

Ada pelajar rancang buat kacau bulan depan — Mahathir

U.M. - 9 APR 1975
KUALA LUMPUR 8 APRIL

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir memberitahu hari ini bahawa ada pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dalam gerakan komunis, dan ada para pelajar merancang membuat kacau di kampus apabila tahun akademik 1975-76 bermula bulan depan.

Bellau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 di Dewan Rakyat hari ini.

Ramal menteri-menteri kabinet hadir semasa bellau membentangkan rang undang-undang itu termasuk Perdana Menteri sendiri.

Sebelum itu ada khabar-khabar angin bahawa penuntut-penuntut akan menunjuk perasaan di Parlimen petang ini. Bagaimanapun suasana aman sahaja.

Dr. Mahathir dalam ucapannya yang panjang lebar itu telah menyebut perkara-perkara berikut:

* Beliau tahu sebahagian daripada penuntut sekarang merancang untuk mengadakan kekacauan di universiti apabila tahun akademik 1975-76 bermula bulan depan.

* Mereka juga giat mencetak risalah-risalah dan berazam untuk mengadakan berbagai peristiwa dalam kampus

universiti.

"Mereka menganggap bahawa kalau mereka menghadkan aktiviti mereka dalam kampus maka tidak ada satu pun yang pihak universiti atau kerajaan boleh buat," kata Dr. Mahathir.

Beliau menekankan, kerajaan tidak akan mengenakan undang-undang baru itu kalau pelajar sedar tentang tanggungjawabnya dan mengawal diri mereka tanpa desakan atau paksaan.

"Kerajaan telah bersikap liberal dahulu dengan berpendapat bahawa penuntut di universiti adalah orang dewasa dan tahu tentang tanggungjawab mereka.

"Tentang dari apa yang saya sebutkan tadi adalah nyata yang sebahagian dari penuntut universiti tidak bertanggungjawab dan tidak sedar tentang akibat tindakan mereka," tegasnya.

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 7)

Huraian pindaan-pindaan rang undang-undang universiti

UMH 9 APR 1975

Menteri Pelajaran telah mengemukakan pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Universiti, di antaranya termasuk:

* Melarang seseorang pelajar menjadi ahli atau mengadakan sebarang perhubungan dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan, badan atau kumpulan orang perseorangan di dalam atau di luar universiti, di dalam atau di luar Malaysia.

Mereka hanya boleh melibatkan diri jika dinyatakan di bawah perlembagaan sesebuah universiti itu atau setelah mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Naib Canselor.

* Melarang pelajar-pelajar universiti sebagai satu kumpulan daripada bergabung atau bersekutu atau mempunyai sebarang hubungan dengan mana-mana persatuan dan parti politik serta lain-lain pihak.

* Memperuntukkan kepada sesiapa pun semasa menjadi pelajar sesebuah universiti boleh menyatakan atau melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan pada mana-mana pihak termasuk parti politik.

* Pelajar yang didapa-

ti terlibat dalam pertubuhan atau kumpulan yang menyalahi undang-undang akan dihadapkan ke mahkamah dan hanya proses undang-undang sahaja yang akan menjatuhkan hukuman.

* Melarang memungut wang atau membuat sebarang rayuan.

"Universiti berkuasa menggantung atau mem-bahentikan samasekali seseorang pelajar universiti yang dituduh kerana sesuatu kesalahan jenayah di mahkamah dan didapati bersalah.

* Semua kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin dan membenarkan penangkapan dilakukan tanpa waran.

Lantik

* Memberi kuasa kepada Naib Canselor untuk menggantung, membubarkan dan juga mengarahkan sesebuah pertubuhan universiti.

Di bawah seksyen kecil 18 (3) dekan atau timbalannya akan dilantik oleh Naib Canselor dan tidak lagi melalui pilihan di antara ahli-ahli fakulti sesuatu universiti sebagaimana yang berjalan pada masa ini.

Pindaan yang dicadangkan di dalam peruntukan baru seksyen kecil 43 (1) ialah suatu

badan pelajar universiti akan ditubuhkan yang terdiri daripada semua siswa berdaftar yang dikenali dengan nama kesatuan pelajar pelajar.

Dr. Mahathir mengingatkan pihak-pihak yang ingin merancang sebarang tindakan untuk menentang undang-undang ini dengan jara yang terkeluar daripada undang-undang bahawa mereka itu merbahaya kepada diri sendiri.

"Kita tidak hendak berseloroh atau bermain-main. Kerajaan bersikap serious atas perkara ini," tegasnya.

"Kita telah lihat kegiatan gerila komunis telah meningkat sedikit di negara kita ini. Kita tidak harus terlalu khuatir tetapi kita tidak boleh lengai."

"Barang siapa yang melakukan sesuatu yang

boleh menolong pihak gerila secara langsung atau tidak langsung mestilah sanggup menerima akibat tindakan undang-undang negara," ujar beliau.

Bellau mensifatkan bahawa sebarang rancangan yang memesonkan tenaga pasukan keselamatan mestilah dianggap sebagai menyokong usaha anasir komunis di dalam negara kita.

"Oleh sebab itu kita mesti memandang berat perbuatan yang seperti ini dan tindakan yang tegas akan diambil.

"Apa-apa rancangan menentang undang-undang ini yang tidak di-benar oleh undang-undang dan dianggap boleh melemahkan kedudukan negara akan dihadapi dengan tindakan yang segera dan tepat."